

**PGA Sudah Bersedia Bantu Dalam PRU-13**  
**Bernama**  
**21 Disember, 2011**

IPOH, 21 Dis (Bernama) -- Pasukan Gerak Am (PGA) sudah bersedia untuk memberikan sebarang bantuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menghadapi pilihan raya umum yang ke-13 nanti.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Datuk Salleh Mat Rasid berkata tumpuan juga akan diberikan ke kawasan-kawasan panas yang dilihat mungkin boleh menyebabkan aspek keselamatan dan ketenteraman awam terjejas.

"Bagi PRU ke-13, PGA dah bersedia membantu dan memberi apa-apa jenis bantuan diminta oleh SPR," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Kursus Asas PGA di Ulu Kinta dekat sini pada Rabu.

Seramai 277 orang pegawai dan anggota PGA telah lulus kursus selama tiga bulan itu.

PGA kini mempunyai 14,000 pegawai dan anggota yang ditempatkan di lima kawasan iaitu Briged Utara, Briged Tengah, Briged Tenggara, Briged Sabah dan Briged Sarawak.

"Jumlah ini mencukupi untuk dikerahkan jika PRU dipanggil bila-bila masa," kata Salleh.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mengingatkan keanggotaan PGA supaya sentiasa melengkapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran supaya seiring dengan perubahan semasa.

Katanya mereka juga perlu lebih proaktif dan bersedia menjalankan pelbagai tugas dalam usaha Polis Diraja Malaysia untuk memenuhi jangkauan masyarakat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635593>